

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KEROSAKAN DAN KESESAKAN JALAN RAYA AKIBAT PROJEK-
PROJEK PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA DAN PEMBENTUNGAN**

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan bagi meminimumkan kesan kerosakan dan kesesakan jalanraya akibat projek-projek penggantian paip air lama dan pembentungan yang masih berjalan sejak beberapa tahun kebelakangan ini?

JAWAPAN:

- a) Antara langkah yang diambil oleh Pengurusan Air Selangor bagi meminimumkan kesan kerosakan dan kesesakan jalan raya akibat projek penggantian paip air lama adalah:
- i. Pengawasan tapak yang lebih ketat. Pihak perunding projek dilantik dikendaki membuat pengawasan tapak sepenuh masa bagi memastikan mutu kerja-kerja pembaikan sementara dan kekal mematuhi spesifikasi.
 - ii. Memastikan kontraktor sentiasa membuat kerja-kerja penurapan sementara di bahagian yang rosak sehingga kerja penggantian paip siap sepenuhnya dan pembaikpulihan jalan kekal dibuat.
 - iii. Memastikan Kontraktor mematuhi Pelan Pengurusan Trafik bagi meminimumkan kesesakan jalan raya. Air Selangor juga akan mengalih trafik bagi membolehkan pemandu menggunakan jalan alternatif.
 - iv. Menyesuaikan jadual kerja berdasarkan keadaan trafik, iaitu mengelakkan penutupan jalan diwaktu puncak serta menjalankan kerja di waktu malam, sekiranya perlu.
 - v. Membuat penilaian yang berterusan terhadap prestasi kontraktor, agar kontraktor yang mempunyai prestasi kerja baik sahaja dipertimbangkan bagi projek-projek seumpamanya pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : CUKAI TANAH

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan premis-premis yang dimiliki oleh parti-parti politik yang mempunyai tunggakan cukai tanah dan jumlah tunggakan mengikut daerah masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Balakong, hasil semakan di dalam Sistem Pungutan Hasil Tanah (eSPHT) sehingga 13 Mac 2018, terdapat sebanyak 38 hakmilik yang didaftarkan di atas nama-nama parti politik dan masih mempunyai tunggakan cukai tanah sehingga tahun 2017. Jumlah nilai keseluruhan tunggakan cukai tanah bagi kesemua 38 hakmilik ini adalah berjumlah RM49,595.00 dengan perincian tunggakan cukai adalah merangkumi satu (1) hakmilik bagi Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), satu (1) hakmilik bagi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan 36 hakmilik bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Pecahan tunggakan mengikut daerah adalah merangkumi Daerah Petaling dengan dua (2) hakmilik tertunggak iaitu satu (1) hakmilik bagi Parti GERAKAN dengan nilai tunggakan sebanyak RM4,179.60 dan satu (1) hakmilik untuk Parti UMNO sebanyak RM1,644.60.

Manakala bagi Daerah Hulu Langat pula, terdapat satu (1) hakmilik yang mempunyai tunggakan cukai tanah berjumlah RM58.00 di bawah nama Parti PAS dan untuk Daerah Kuala Selangor pula, terdapat dua (2) hakmilik di bawah nama Parti UMNO yang mempunyai cukai tertunggak dengan nilai sebanyak RM1,626.10

Bagi Daerah Sabak Bernam sebanyak 24 hakmilik adalah tertunggak begitu juga di Daerah Klang terdapat sebanyak empat (4) hakmilik yang tertunggak dengan nilai cukai tertunggak untuk Daerah Sabak Bernam adalah sebanyak RM6,636.70 dan nilai tunggakan untuk Daerah Klang pula adalah sebanyak RM14,255.30.

Kesemua hakmilik tertunggak ini di daftarkan bawah pegangan Parti UMNO untuk kedua-dua daerah tersebut.

Di Daerah Gombak pula, terdapat dua (2) hakmilik dengan nama Parti UMNO yang masih mempunyai tunggakan cukai tanah berjumlah RM5,431.20 dan di Daerah Hulu Selangor pula terdapat tiga (3) hakmilik juga dimiliki oleh Parti UMNO dengan tunggakan cukai berjumlah RM15,763.50.

Jumlah besar tunggakan cukai tanah mengikut parti politik adalah di cartai oleh Parti UMNO dengan amaun tunggakan sebanyak RM45,357.40, diikuti oleh Parti GERAKAN sebanyak RM4,179.60 dan Parti PAS sebanyak RM58.00.

(Maklumat Terperinci Senarai Hakmilik Tertunggak Mengikut Daerah Seperti **Lampiran A**)

**SENARAI HAKMILIK DIMILIKI PARTI-PARTI POLITIK YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN CUKAI TANAH
SEHINGGA TAHUN 2017 MENGIKUT DAERAH**

PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA (GERAKAN)									
DAERAH	NAMA PEMILIK	ALAMAT		BENTUK HAKMILIK	NO HAKMILIK	NO LOT	CUKAI TANAH TAHUNAN	TUNGGAKAN CUKAI SEHINGGA 2017	TEMPOH TUNGGAKAN
		SPTB	eSPHT						
PETALING	PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA	21B & 23B, JALAN JASA 19 MEDAN PEJASA, 11KM, JALAN KLANG LAMA 46000 PETALING JAYA, SELANGOR	21B & 23B, JALAN JASA 19 MEDAN PEJASA, 11KM, JALAN KLANG LAMA 46000 PETALING JAYA, SELANGOR	HSD	0264510	29095	927.00	4,179.60	2014-2017
		JUMLAH TUNGGAKAN							4,179.60

PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS)									
DAERAH	NAMA PEMILIK	ALAMAT		BENTUK HAKMILIK	NO HAKMILIK	NO LOT	CUKAI TANAH TAHUNAN	TUNGGAKAN CUKAI SEHINGGA 2017	TEMPOH TUNGGAKAN
		SPTB	eSPHT						
HULU LANGAT	PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) BADAN PERHUBUNGAN PAS NEGERI KELANTAN	TIADA MAKLUMAT	TINGKAT 1 BANGUNAN PAS KELANTAN 15000 JALAN DATO' PATI KOTA BHARU	HSM	0028685	7706	53.00	58.00	2017
		JUMLAH TUNGGAKAN							58.00

PERTUBUHAN KEBANGSSAN MELAYU BERSATU (UMNO)

DAERAH	NAMA PEMILIK	ALAMAT		BENTUK HAKMILIK	NO HAKMILIK	NO LOT	CUKAI TANAH TAHUNAN	TUNGGAKAN CUKAI SEHINGGA 2017	TEMPOH TUNGGAKAN
		SPTB	eSPHT						
PETALING	UMNO BAHAGIAN PETALING	TIADA MAKLUMAT	TIADA MAKLUMAT	HSM	0000699	292	1,537.00	1,644.60	2017
		JUMLAH TUNGGAKAN						1,644.60	
SABAK BERNAM	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	PN	0077988	24418	79.00	168.00	2016-2017
	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	PN	0077989	24417	83.00	176.60	2016-2017
	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0003101	10763	1,715.00	1,835.10	2017
	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004289	2187	169.00	361.80	2016-2017
	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004291	2190	101.00	215.10	2016-2017
	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004292	2191	101.00	215.10	2016-2017
	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004293	2192	101.00	215.10	2016-2017
	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004293	2192	101.00	215.10	2016-2017

UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004294	2193	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004295	2194	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004296	2195	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004298	2197	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004299	2198	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004301	2200	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004303	2202	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004304	2203	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004305	2204	101.00	215.10	2016-2017

UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004306	2205	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004307	2206	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004308	2207	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004309	2208	101.00	215.10	2016-2017
UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	NO 720 JALAN BESAR 45300 PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR	HSD	0004310	2209	101.00	215.10	2016-2017
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (UMNO)	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR NO.720, JALAN BESAR 45300 SUNGAI HJ.DORANI SUNGAI BESAR	UMNO BAHAGIAN SUNGAI BESAR NO.720, JALAN BESAR 45300 SUNGAI HJ.DORANI SUNGAI BESAR	HSD	0003772	1563	92.00	97.00	2017
UMNO CAWANGAN SIMPANG 4 BNO	TIADA MAKLUMAT	D/A KAMAL IDERIS BIN ANUAR NO 16, TAMAN SERI NAKHODA, 45200 SABAK BERNAM, SELANGOR	HSM	0001310	769	79.00	84.00	2017
PERTUBUHAN KEB MELAYU BERSATU (UMNO)	TIADA MAKLUMAT	PEJABAT UMNO SG BESAR, NO 720 JLN BESAR, PEKAN SUNGAI HAJI DORANI, 45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR.	HSM	0007509	24352	79.00	257.50	2015-2017
JUMLAH TUNGGAKAN							6,636.70	

KUALA SELANGOR	UMNO CAWANGAN PEKAN KUALA SELANGOR	BGN. UMNO BAHAGIAN KUALA SELANGOR, KM. 1, JALAN KLANG, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR	BGN. UMNO BAHAGIAN KUALA SELANGOR, KM. 1, JALAN KLANG, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR	PN	0030664	3892	228.00	1,028.20	2014-2017
	UMNO BAHAGIAN TANJONG KARANG	NO.131-A, ARAS BAWAH, BANGUNAN UMNO BAHAGIAN TANJONG KARANG 45500	NO.131-A, ARAS BAWAH, BANGUNAN UMNO BAHAGIAN TANJONG KARANG 45500	HSD	0014321	253	132.00	597.90	2014-2017
	JUMLAH TUNGGAKAN							1,626.10	
KLANG	PERTUBUH AN KEBANGSA AN MELAYU BERSATU (BARU)/ UMNO BHG KLANG	NO 201A, PERSIARAN RAJA MUDA MUSA, PELABUHAN KLANG, 42000 SELANG	NO 201A, PERSIARAN RAJA MUDA MUSA, PELABUHAN KLANG, 42000 SELANG	HSD	0129808	432	713.00	2,343.80	2015-2017
	UMNO (CAWANGAN PANDAMARAN JAYA)	TIADA MAKLUMAT	NO. 29, JALAN 9 PANDAMARAN JAYA 42000 PORT KLANG	PM	0003796	17288	290.00	8,836.20	2001-2017
	UMNO CAWANGAN KG TENGAH TELOK GONG	TIADA MAKLUMAT	NO 1 JLN 7 RUMAH KEDAI KG IDAMAN 2B 42000 PEL KLANG	HSM	0027925	13843	592.00	633.60	2017-2017
	UMNO CAWANGAN KG IDAMAN	TIADA MAKLUMAT	NO.1 JLN PERAJURIT KG TENGAH TELOK GONG 42000 PEL. KLANG	HSM	0029098	13011	162.00	2,441.70	2005-2017
	JUMLAH TUNGGAKAN							14,255.30	
GOMBAK	PERTUBUH AN KEBANGSA AN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO	TIADA MAKLUMAT	NO. 1, JALAN 21A, SELAYANG BARU, 68100 BATU CAVES, SELANGOR.	PM	12316	87910	4,706.00	5,035.50	2017-2017
	UMNO (BARU)	TIADA MAKLUMAT	NO 7 JALAN 21A SELAYANG BARU 68100 BATU CAVES	HSM	16884	24743	115.00	395.70	2015-2017
	JUMLAH TUNGGAKAN							5,431.20	

HULU SELANGOR	UMNO BAHAGIAN HULU SELANGOR	TIADA MAKLUMAT	TINGKAT 2, BANGUNAN UMNO, BAHAGIAN HULU SELANGOR, 44000 KUALA KUBU BHARU, SELANGOR	HSM	0001968	2550	98.00	1,364.50	2008-2017
	UMNO BAHAGIAN HULU SELANGOR	TIADA MAKLUMAT	TINGKAT 2, BANGUNAN UMNO, BAHAGIAN HULU SELANGOR. 44000 KUALA KUBU BHARU, SELANGOR.	HSM	0001984	2566	125.00	1,738.80	2008-2017
	UMNO BAHAGIAN HULU SELANGOR	TIADA MAKLUMAT	TINGKAT 2 BANGUNAN UMNO BAHAGIAN HULU SELANGOR 44000 KUALA KUBU BHARU SELANGOR	HSM	0002004	2567	993.00	12,660.20	2008-2017
	JUMLAH TUNGGAKAN								15,763.50
JUMLAH KESELURUHAN TUNGGAKAN								45,357.40	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PUSAT JUDI

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pusat judi berlesen dan tidak berlesen dari 2015-2017 mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah kelulusan pusat judi di Selangor pada 2017 mengikut PBT.

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab secara bersekali.

- a) PBT Selangor tidak melesenkan sebarang pusat perjudian. Kelulusan pusat perjudian adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia di bawah Peruntukan Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289). Bilangan pusat judi berlesen dan tidak berlesen dari tahun 2015-2017 mengikut PBT adalah seperti berikut :

Bil.	PBT	Berlesen			Tidak Berlesen		
		2015	2016	2017	2015	2016	2017
1.	MBSA	-	-	-	15	23	12
2.	MBPJ	68	68	68	299	124	423
3.	MPK	69	69	72	-	-	-
4.	MPAJ	52	63	57	48	67	96
5.	MPSJ	-	-	-	123	201	205
6.	MPS	-	-	-	49	44	92
7.	MPKJ	1	-	5	-	-	-
8.	MPSP	6	6	6	85	98	109
9.	MDKL	12	12	12	-	-	-

10.	MDHS	-	-	-	-	-	-
11.	MDKS	7	5	5	-	-	-
12.	MDSB	7	7	7	-	-	-
JUMLAH		222	230	232	619	557	937

Nota : Sumber data daripada PBT

* Jumlah data premis tidak berlesen adalah berdasarkan tindakan penguatkuasaan kompaun dan sitaan yang dijalankan oleh PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA AIR SELANGOR

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembelian SPLASH oleh Kerajaan Negeri?
- b) Adakah penstrukturan semula boleh diteruskan tanpa membeli SPLASH?
- c) Apakah tariff air terawat yang patut dibayar dan sebenarnya dibayar kepada loji rawatan air SPLASH?

JAWAPAN:

- a) Status pembelian SPLASH masih lagi dalam peringkat rundingan oleh Kerajaan Negeri melalui Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) bagi mencapai persetujuan bersama ke atas terma-terma pengambilalihan untuk memastikan persetujuan bersama yang tercapai adalah yang terbaik di dalam memelihara kepentingan negeri dan rakyat secara umumnya. Tarikh akhir yang telah dipersetujui untuk memuktamadkan pengambilalihan SPLASH adalah pada 04 Julai 2018.
- b)
 1. Pengambilalihan SPLASH adalah perkara yang perlu dilaksanakan dalam rangka untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor selaras dengan hasrat dan objektif untuk mewujudkan satu perkhidmatan yang holistik di bawah satu operator yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri dan di kawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi merealisasikan industri perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan.
 2. Tanpa memuktamadkan pengambilalihan SPLASH, bermakna Perjanjian Konsesi antara SPLASH dan Kerajaan Negeri akan terus dikuatkuasakan dan Air Selangor akan terus terikat untuk membayar caj harga air dan *Capacity Charge* kepada SPLASH. Keadaan ini akan menyumbang kepada pengurusan perkhidmatan bekalan air tidak cekap dan melibatkan kos operasi yang tinggi yang akhirnya akan membebankan pengguna melalui tarif yang tinggi.

- c) Di bawah Perjanjian SPLASH, terdapat dua caj yang dikenakan kepada SYABAS iaitu Caj Air Terawat dan *Capacity Charge*. Tarif air yang dicaj oleh SPLASH kepada SYABAS adalah sangat tinggi, iaitu RM1.34 semeter padu air pada tahun 2017. Purata tarif air yang dicaj oleh SYABAS kepada pengguna pada tahun yang sama ialah RM1.50 semeter padu air. Jumlah yang dibayar kepada SPLASH pada tahun 2017 adalah RM0.50 semeter padu air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENGURUS BESAR YAYASAN SELANGOR

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan terkini Lembaga Pengarah Yayasan Selangor untuk mengisi kekosongan Pengurus Besar Yayasan Selangor yang masih belum diisi sehingga sekarang?
- b) Mengapakah tidak pemangkunya dilantik terus menjadi Pengurus Besar sekiranya prestasinya memenuhi syarat Lembaga Pengarah?

JAWAPAN:

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran & Perkhidmatan Yayasan Selangor yang dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 26 September 2017 telah meluluskan dan memperakukan kertas cadangan pelantikan Puan Zahura binti Zakry, Pengurus Kanan Yayasan Selangor dilantik sebagai Pemangku Pengurus Besar Yayasan Selangor.

Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor merangkap Pengerusi Yayasan Selangor juga telah bersetuju meluluskan kertas cadangan tersebut dan menandatangani surat pelantikan Puan Zahura binti Zakry sebagai Pemangku Pengurus Besar Yayasan Selangor berkuatkuasa 01 Oktober 2017 sehingga pelantikan Pengurus Besar Yayasan Selangor baharu dikuatkuasakan.

- b) Pengurusan Tertinggi Yayasan Selangor pada tahun 2017 telah melaksanakan penstrukturan carta organisasi di Yayasan Selangor sebagai satu pelan perancangan strategik bagi menambahbaik struktur organisasi sedia ada sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan stakeholder serta pelanggan Yayasan Selangor.

Pengurusan Tertinggi Yayasan Selangor juga telah melakukan perubahan fokus bagi menjana pendapatan Yayasan Selangor sesuai dengan perkembangan semasa yang kian mencabar bagi memastikan objektif dan pengurusan operasi

Yayasan Selangor mencapai matlamatnya. Kekuatan yang sedia ada dimantapkan dan kelemahan yang dikenalpasti akan ditambahbaik secara berterusan.

Pengurusan Tertinggi Yayasan Selangor sedia ada amat menghormati pertimbangan dan keprihatinan YAB Dato' Menteri Besar Negeri Selangor berkaitan status pelantikan Pengurus Besar Yayasan Selangor yang baharu ini dan sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi mencapai matlamat penubuhan Yayasan Selangor.

Ini adalah selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan didalam Skim Perkhidmatan Terma dan Syarat-Syarat Perkhidmatan Yayasan Selangor 2001, Perkara 1.1.4 yang jelas maksudnya seperti berikut:

“Pelantikan bagi kategori jawatan Pengurusan Tertinggi adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa Pengerusi Yayasan Selangor”.

Nota : Pengurusan Tertinggi ertinya kumpulan jawatan yang terdiri daripada Pengurus Besar dan Timbalan-Timbalan Pengurus Besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : ELAUN PENGARAH

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah penjawat awam dan kakitangan anak syarikat yang juga ahli lembaga pengarah badan berkanun atau anak syarikat menyimpan elaun-elaun pengarah yang diperolehi ataupun elaun tersebut dipulangkan kepada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, elaun-elaun Pengarah yang diperolehi oleh penjawat awam dan kakitangan Anak Syarikat yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun atau Anak Syarikat tidak dipulangkan semula kepada Kerajaan Negeri.

Pihak Kerajaan Negeri berpandangan bahawa pemulangan semula elaun tersebut kepada Kerajaan Negeri bukanlah suatu perkara yang wajar dilaksanakan.

Sebarang elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun atau Anak Syarikat adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 dan Akta Cukai Pendapatan 1967.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PINJAMAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
SDN BHD**

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pinjaman mudah yang telah diberikan oleh Kerajaan pada Tahun 2016 dan 2017 kepada KUIS?
- b) Sila menyatakan tujuan dan sebab-sebab pinjaman.
- c) Tempoh pembayaran balik kepada Kerajaan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dalam memastikan pelajar di bawah Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri mendapat kemudahan dan pendidikan yang setaraf dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang lain. Justeru, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan memberi pinjaman kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebanyak **RM48,544,150.00**.
- b) Pinjaman ini adalah bertujuan untuk melaksanakan pembinaan infrastruktur baru, menaik taraf serta membaik pulih infrastruktur sedia ada di KUIS. Antara pembinaan infrastruktur dan kerja-kerja naik taraf yang sedang dilaksanakan ialah pembinaan ruang akademik baharu tambahan, Kompleks Perpustakaan baharu, pembinaan Stadium mini, membaik pulih asrama kediaman dan menaik taraf infrastruktur teknikal.
- c) Pinjaman ini tidak dikenakan sebarang caj pembiayaan. Bayaran balik akan dikutip dalam tempoh setahun selepas pinjaman disalurkan sepenuhnya kepada KUIS (*full disbursement*), dengan ansuran bayaran selama 15 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PERUNTUKAN ADUN PEMBANGKANG

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan kawasan yang diperuntukkan kepada setiap ADUN Pembangkang?
- b) Berapakah banyak serta untuk tujuan apa peruntukan ini telah digunakan sehingga sekarang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM2,600,000.00 iaitu RM200,000.00 kepada setiap 13 Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan di Negeri Selangor bagi tujuan pelaksanaan projek kecil dan program mesra rakyat. Peruntukan tersebut diperuntukkan di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK - P01/01001 - Perkhidmatan Masyarakat** mulai tahun 2015.
- b) Pada tahun 2015, tiada perbelanjaan dibuat oleh ADN Bukan Kerajaan dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 30/2015 yang diadakan pada 17 September 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 31/2015 pada 22 September 2015 bersetuju meluluskan penyelarasan semula peruntukan ADN Bukan Kerajaan digunakan oleh Pegawai Penyelaras ADN yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri tertakluk kepada perkara berikut:
 - I. Bersetuju cadangan penyelarasan semula penggunaan peruntukan pembangunan Perkhidmatan Masyarakat yang disediakan kepada ADN Bukan Kerajaan berjumlah RM200,000.00 boleh digunapakai oleh Pegawai Penyelaras DUN;
 - II. Bersetuju peruntukan pembangunan perkhidmatan masyarakat ADN Bukan Kerajaan diguna pakai oleh Pegawai Penyelaras DUN tertakluk apabila peruntukan pembangunan sedia ada kawasan DUN yang diselia oleh Pegawai Penyelaras DUN tahun 2015 berjumlah RM500,000.00 dan baki peruntukan pembangunan tahun 2014 telah habis dibelanjakan; dan

- III. Perbelanjaan/ penggunaan peruntukan tersebut adalah tertakluk dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015.

Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri meneruskan pemberian peruntukan kepada Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan dan masih tiada perbelanjaan dibuat sehingga bulan Mac 2016, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2016 yang diadakan pada 16 Mac 2016 dan disahkan oleh MMKN ke 11/2016 pada 23 Mac 2016 bersetuju peruntukan pembangunan perkhidmatan masyarakat berjumlah RM6,000.00 setiap bulan mulai bulan Mac 2016 hingga Disember 2016 (10 bulan) disalurkan ke akaun Pusat Perkhidmatan Masyarakat (PKM) termasuk akaun Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan bagi tujuan pengurusan pejabat.

Pada tahun 2017 tiada tuntutan oleh Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program pemutihan kilang haram di Selangor?
- b) Nyatakan jumlah terkini kilang haram yang masih beroperasi dibawah pengawasan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) Di Negeri Selangor telah tamat pada 31 Disember 2015.
- b) Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor (JTPKHNS) untuk memantau dan memberi nasihat berkaitan kilang-kilang haram. Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006. Berdasarkan bancian awal terdapat lebih kurang **3,165** buah kilang. Setelah semakan semula dibuat hanya **2,998** buah kilang telah dibina di atas **2,523** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK hanya **1,346** lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **1,223** telah diluluskan dan sebanyak **1,154** lot yang masih belum mengemukakan permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : HASIL CUKAI

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci jenis-jenis cukai dan jumlah kutipan 2017.
- b) Nyatakan cukai yang dihapuskan dan jumlah kehilangan pendapatan kerajaan pada 2017.

JAWAPAN:

- a) Pendapatan yang diterima oleh Kerajaan Negeri terdiri daripada 3 jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Jumlah kutipan hasil Negeri keseluruhan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM2,810,103,771.65 seperti Jadual 1 di bawah :

**Jadual 1
Kutipan Hasil Negeri Tahun 2017**

HASIL	31 DIS 2017 (RM)
Hasil Cukai	666,380,215.94
Hasil Bukan Cukai	1,929,108,096.51
Terimaan Bukan Hasil	214,615,459.20
JUMLAH HASIL NEGERI	2,810,103,771.65

- b) Kerajaan Negeri telah mengumumkan dan melaksanakan pengecualian cukai ke atas pemilik rumah kos rendah, kampung tradisi, kampung baru dan kampung bagan bermula dari tahun 2016 berjumlah RM113,703,541.92. Insentif ini telah diteruskan bagi tahun 2017 dan tahun 2018.

Selain daripada cukai-cukai yang dinyatakan tadi, Kerajaan Negeri turut mengecualikan fi lesen penjaja, gerai dan pasar yang memberi manfaat kepada peniaga-peniaga kecil khususnya peniaga pasar malam dan pasar siang berjumlah RM19,348,956.40 juta.

Jumlah pengecualian ini pada tahun 2017 telah mengurangkan hasil Kerajaan Negeri hampir RM70 juta setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : SKIM PERPAIPAN AIR BERSEPADU (IWSS)

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon menyatakan jumlah projek pemasangan paip air di bawah Skim Perpaipan Air Bersepadu (IWSS) mengikut PBT di Selangor.
- b) Siapakah pihak berkuasa yang bertanggungjawab selaku agensi pemantau?
- c) Berapakah kos yang dibiayai oleh pemaju dan adakah Kerajaan menerima apa-apa bayaran daripada pemaju?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 28 Februari 2018, sebanyak 18 projek pemasangan paip air bersepadu (IWSS) sedang dilaksanakan oleh pemaju dan di dalam peringkat perancangan. Senarai pembangunan IWSS yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pemaju mengikut PBT adalah seperti berikut:

No.	WILAYAH (Air Selangor)	PBT	Bil. Pemaju Terlibat	Bil. IWSS	Keperluan Air (Juta Liter Sehari)
1.	Kuala Lumpur	DBKL	26	5	98.5
2.	Petaling	MBPJ	1	2	36.4
		DBKL	6		
3.	Sepang	MPSP	29	3	33.0
4.	Kuala Selangor	MDKS	8	1	81.2
5.	Hulu Langat	MPKJ	39	3	185.7
6.	Hulu Selangor	MBSA	2	1	192.3
		MPS	5		
7.	Kuala Langat	MDKL	6	1	191.9
8.	Gombak	DBKL	2	2	71.6

No.	WILAYAH (Air Selangor)	PBT	Bil. Pemaju Terlibat	Bil. IWSS	Keperluan Air (Juta Liter Sehari)
		MPS	3		
		MDHS	1		
	JUMLAH KESELURUHAN		128	18	890.6

- b) Air Selangor bertanggungjawab sebagai penyelaras bagi memastikan projek IWSS ini dilaksanakan oleh pemaju berdasarkan kepada pelan sistem bekalan air bersepadu yang diluluskan. Pemaju-pemaju yang terlibat di dalam skim IWSS ini akan melantik 'Lead Developer', 'Lead Consultant' dan menubuhkan 'Konsortium IWSS'. Perjanjian IWSS perlu disediakan bagi memastikan skim IWSS yang dicadangkan berjalan dengan lancar dan tiada pemaju yang menarik diri.

Kerja-kerja pembinaan skim IWSS dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak pemaju dan perlu mematuhi syarat serta mendapat kelulusan permit dari PBT dan agensi-agensi yang berkaitan. Setelah sistem IWSS siap, ianya akan diambilalih oleh Air Selangor untuk tujuan operasi dan penyelenggaraan.

- c) Kos pemasangan sistem IWSS dibiayai sepenuhnya oleh pihak pemaju-pemaju yang terlibat di dalam memajukan sistem IWSS berdasarkan kepada konsep perkongsian kos antara pemaju.

Pihak Kerajaan Negeri atau Pengurusan Air Selangor tidak terlibat dengan nisbah perkongsian kos ataupun menerima apa-apa bayaran daripada pemaju bagi melaksanakan skim IWSS ini. Walaubagaimanapun, pihak pemaju adalah tertakluk kepada pembayaran Sumbangan Modal Pembangunan (SMP) bagi unit-unit yang dibangunkan sepertimana yang dinyatakan di dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : PERPADUAN DAN KEHARMONIAN HIDUP RAKYAT SELANGOR

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan program komprehensif Kerajaan Negeri untuk memastikan Rakyat Selangor hidup berkeadaan harmoni, bahagia dan kesejahteraan dibawah pimpinan Pakatan Rakyat / Pakatan Harapan?
- b) Adakah moto kata "Bangsa Smart Selangor" bakal diwujudkan untuk tujuan diatas?

JAWAPAN:

(a) dan (b) bersekali.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memastikan rakyat Selangor berpeluang untuk mengecap kebahagiaan dan hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera melalui beberapa dasar dan program yang telah dilaksanakan secara komprehensif. Jika dilihat dari segi pembahagian peruntukan yang dibentangkan pada setiap tahun, jelas menunjukkan usaha Kerajaan Negeri untuk menjana pembangunan demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri. Berkat kewangan yang kukuh hasil dari tadbir urus yang cekap membolehkan perancangan strategik berlandaskan keharmonian rakyat dirangka bagi memenuhi keperluan dari setiap kelas golongan. Usaha mempelbagaikan sumber hasil negeri adalah sebahagian daripada peranan Kerajaan Negeri Selangor bagi memperkukuhkan agenda keadilan sosial khususnya program berpaksikan rakyat seperti perumahan, kesihatan dan pendidikan.

Menyedari peranan strategik yang perlu dimainkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mencapai keadilan sosial sebagai asas pembangunan bangsa dan kemakmuran negeri, Program Insentif Peduli Rakyat (IPR) telah diwujudkan bagi menerajui program kebajikan yang bersifat holistik pada tahun 2017. Program ini merupakan program yang telah dijenamakan semula dan diperhebatkan daripada Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang telah diwujudkan sejak tahun 2008 supaya lebih bersepadu dan menyeluruh dalam membantu setiap aspek keperluan golongan sasar untuk meningkatkan potensi dan meringankan beban kos sara hidup yang semakin mencengkam semenjak pengenalan GST

oleh Kerajaan Persekutuan. Sebagai sebuah Kerajaan yang peduli rakyat, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk meringankan bebanan kos sara hidup rakyat khususnya di kalangan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40). Antara inisiatif yang telah diperkenalkan adalah:

1) Skim Smart-Sewa

Skim Smart-Sewa merupakan program Kerajaan Negeri yang diwujudkan untuk membantu rakyat yang berpendapatan sederhana menyewa selama minima 2 tahun dan maksima 5 tahun. Dalam tempoh yang berkenaan, apabila penyewa mempunyai keupayaan untuk membeli rumah, maka 30 peratus daripada jumlah keseluruhan sewaan akan dipulangkan balik kepada penyewa untuk digunakan sebagai deposit membeli kediaman baru. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM10 juta untuk melancarkan Skim Smart-Sewa. Memandangkan skim ini mendapat sambutan baik dari golongan millennials, pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah meningkatkan pembiayaan Skim Smart-Sewa kepada RM100 juta untuk membeli unit-unit rumah di lokasi strategik yang disewakan kepada mereka yang berkelayakan. Sehingga November 2017, sebanyak 861 unit rumah mampu milik telah dimiliki oleh LPHS dengan kos pembelian bernilai RM123.14 juta. Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi skim ini. Kerajaan Negeri meneruskan skim ini bagi tahun 2018 dengan peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta.

2) Skim Kesihatan Bersepadu

Atas pertimbangan moral dan tanggungjawab sosial, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan beberapa skim bagi meringankan bebanan rakyat dari aspek kesihatan. Bermula dengan program Dialisis Selangor, Bantuan Sihat Selangor, Saringan Sihat Selangor dan MammoSel, kini Kerajaan Negeri sedang rancak melaksanakan Skim Peduli Sihat sebagai satu skim perlindungan rawatan kesihatan asas yang mendapat pengiktirafan Persatuan Perubatan Malaysia. Skim ini mendapat sambutan gemuruh dan menyentuh hati rakyat berpendapatan rendah yang memerlukan rawatan kesihatan asas. Sehingga 31 Oktober 2017, sebanyak 149,382 kad telah dikeluarkan untuk memberi manfaat kepada hampir 600,000 orang. Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri bertekad untuk meneruskan pelaksanaan Skim Peduli Sihat dengan peruntukan RM20 juta dan pemegang kad adalah layak secara automatik mendapat perkhidmatan rawatan kesihatan asas secara percuma.

Berdasarkan keperluan mendesak untuk mendapat akses kepada penjagaan kesihatan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu skim penjagaan kesihatan yang bersepadu (*integrated healthcare scheme*) untuk memperluaskan skop perkhidmatan kesihatan. Antara program penjagaan kesihatan yang dilaksanakan adalah rawatan jantung, suntikan vaksin, aktiviti kawalan dan pencegahan denggi, bantuan kepada rawatan dialisis dan katarak mata serta insuran kesihatan untuk penjawat awam dan pesawah, manakala penjagaan kesihatan mental dan perkhidmatan penjagaan paliatif bagi pesakit kanser bakal dilaksanakan dalam masa terdekat.

3) Mempelbagai Kemudahan Pendidikan

Kerajaan Negeri percaya pendidikan merupakan tulang belakang kepada negara dan ekonomi yang sedang membangun. Atas sebab itu, fokus diberikan kepada pendidikan menengah untuk menjamin semua rakyat mendapat peluang pendidikan di peringkat lebih tinggi. Program Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (HPIPT) adalah insentif kepada anak Selangor yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPTA atau IPTS. Sejak diperkenalkan, seramai 63,304 mahasiswa telah menerima manfaat HPIPT dengan perbelanjaan sebanyak RM63.3 juta. Pada tahun 2018, siling kelayakan pendapatan isi rumah keluarga bagi program ini dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM5,000 dan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM8 juta. Pada tahun 2017, program Tuisyen Rakyat Selangor diperluaskan kepada pelajar-pelajar UPSR, PT3 dan SPM yang melibatkan 4,775 orang pelajar dengan perbelanjaan sebanyak RM3.4 juta. Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM3.9 juta untuk meneruskan program ini. Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program tuisyen atas talian (*online tuition*) secara percuma. Pada tahun 2017, sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan untuk 2,355 orang pelajar SPM. Untuk tahun 2018, program ini diteruskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM5 juta.

4) Program-program Berimpak Tinggi

Kerajaan Negeri meneruskan program pemberian air percuma kepada seluruh rakyat Selangor dengan peruntukan sebanyak RM185.2 juta disediakan untuk maksud ini bagi tahun 2018. Untuk membantu ibu bagi setiap keluarga di atas pengorbanan dan perit jerih mereka khususnya yang berpendapatan isi rumah RM2,000 ke bawah, maka Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif baru iaitu Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) yang akan memberdaya ibu-ibu di Selangor

sebagai pengurus kewangan untuk keluarga masing-masing. Setiap ibu yang layak akan menerima bantuan sebanyak RM2,400 setahun, atau RM200 setiap bulan. Melalui Kad KISS, 30,000 ibu di Selangor mendapat bekalan makanan asas seperti beras, minyak masak dan tepung serta peralatan dan pakaian sekolah untuk anak-anak di pasaraya dan kedai runcit yang akan dikenalpasti. Usaha ini adalah sebahagian daripada Inisiatif Peduli Rakyat yang akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dengan implikasi kewangan sebanyak RM72 juta. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri komited untuk memulakan inisiatif ini bagi suku tahun pertama 2018 dengan pembiayaan sebanyak RM18 juta.

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan, jelas menunjukkan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri banyak tertumpu kepada usaha untuk memastikan rakyat Negeri Selangor hidup dalam keadaan harmoni, bahagia dan sejahtera. Kerajaan Negeri pasti inisiatif-inisiatif yang telah dirangka ini akan membantu meringankan beban rakyat dalam menghadapi cabaran menempuh kehidupan yang semakin menghimpit ekor ekonomi Malaysia yang terumbang-ambing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perbelanjaan tahunan kos pengurusan sampah di Selangor mengikut PBT.
- b) Apakah pelan jangka panjang atau penggunaan teknologi baru Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pelupusan sisa pepejal dan mengurangkan kos?
- c) Sejauh mana berlakunya pembuangan sampah di tapak-tapak pembuangan sampah secara haram?

JAWAPAN:

- a) Kos keseluruhan bagi perbelanjaan tahunan pengurusan sisa pepejal di semua PBT Negeri Selangor bagi tahun 2017 adalah sebanyak **RM519,896,680.30** meliputi perbelanjaan kerja-kerja pembersihan, kutipan sampah dan *tipping fee*. Pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

PBT	PEMBERSIHAN (RM)	KUTIPAN (RM)	TIPING FEE (RM)	KESELURUHAN (RM)
MBSA	57,384,259.81	22,683,929.77	11,219,803.42	91,287,993.00
MBPJ	31,979,680.99	19,957,601.68	10,309,897.13	62,247,179.80
MPK	24,012,931.38	25,173,485.96	8,340,000.00	57,526,417.34
MPAJ	19,800,000.00	19,290,000.00	6,710,000.00	45,800,000.00
MPSJ	30,300,000.00	23,600,000.00	9,100,000.00	63,000,000.00

MPS	18,411,281.00	21,559,122.00	6,345,301.00	46,315,704.00
MPKj	36,631,314.92	32,535,127.32	7,746,732.00	76,913,174.24
MPSp	16,183,600.32	10,488,655.97	2,138,768.51	28,811,024.80
MDKL	3,207,771.42	5,062,288.10	1,597,481.20	9,867,540.72
MDHS	13,957,980.17	8,808,149.86	1,894,639.61	24,660,769.64
MDKS	4,789,469.96	4,464,792.62	1,602,759.45	10,857,022.03
MDSB	114,612.50	2,174,742.23	320,500.00	2,609,854.73
JUMLAH	256,772,902.47	195,797,895.51	67,325,882.32	519,896,680.30

- b) Bagi pelan jangka panjang dalam pengurusan pelupusan sisa pepejal di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) akan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)*. Justeru, sebuah Loji *Waste to Energy (WTE)* 1 (yang merupakan Fasa 1 daripada keseluruhan sistem ISWMC) akan dibangunkan oleh WHB di atas sebahagian tanah seluas 25 ekar di Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) 2, Kuala Selangor. Dengan adanya Teknologi ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

Selain itu, inisiatif lain dalam merangka pelan jangka panjang Kerajaan Negeri dalam pengurusan sisa pepejal adalah tindakan penguatkuasaan tapak sampah haram di mana Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor sedang mewujudkan satu Garis Panduan Penguatkuasaan Tindakan Bersepadu diantara Pejabat Tanah Dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi yang terlibat berdasarkan pemakaian undang-undang di bawah Seksyen 127 hingga 130 Kanun, Tanah Negara 1965 iaitu tanah yang diberi milik akan dilucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

- c) Masalah tapak sampah haram Negeri Selangor khususnya yang berskala besar pada masa ini adalah dilihat dalam keadaan terkawal berikutan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan yang berterusan oleh PBT, Pejabat Daerah dan lain-lain

agensi berkaitan dari semasa ke semasa. Contohnya di MPK dan MPAJ didapati tiada lagi tapak sampah haram baru dikesan. Namun, bagi masalah pembuangan sampah longgok atau skala kecil masih lagi didapati berlaku terutamanya di lokasi pedalaman dan sunyi seperti di bahu-bahu jalan rezab JKR, rezab JPS dan rintis TNB. Walaupun PBT telah mengambil tindakan pemantauan dan kawalan secara statik serta menubuhkan anggota intipan di lokasi tapak sampah longgok tersebut, namun ianya masih berlaku kerana lokasi pembuangan sampah tersebut berubah-ubah dan dilakukan pada waktu malam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan pada 2017.
- b) Nyatakan peratusan peruntukan yang tidak digunakan mengikut jabatan.

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri Selangor menerima Peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak **RM730,223,336.54** yang merangkumi;
 - i) Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS);
 - ii) Pemberian Berdasarkan Tahap, Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP);
 - iii) Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*);
 - iv) Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama (50%);
 - v) Pemberian Khas kepada Kerajaan Negeri Selangor – Kehilangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
 - vi) Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan;
 - vii) Pemberian Pertambahan Hasil;
 - viii) Pemberian (50%) Belanja Mengurus kepada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan (PADAT) dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS); dan
 - ix) Pemberian 50% bagi Membayar Bil Elektrik (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat).
- b) Terimaan Pemberian Persekutuan diperakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor. Perbelanjaan ke atas Kumpulan Wang Disatukan adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PROJEK MYHSR

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri berhubung bantahan penduduk Kampung Dato' Abu Bakar Baginda?
- b) Berapakah jumlah rumah penduduk yang terlibat dalam jajaran projek MYHSR di Parlimen Sepang?
- c) Berapakah nilai pampasan yang dijangka diperolehi oleh penduduk terlibat?

JAWAPAN:

- a) Projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail*-HSR) Kuala Lumpur – Singapura merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang akan melalui beberapa kawasan di Negeri Selangor. Pemakluman berhubung projek ini telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri melalui mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 21/2016 pada 23 Jun 2016 oleh MyHSR Corp. Berdasarkan keputusan MMKN tersebut yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 22/2016 pada 13 Julai 2016, MyHSR hanya dibenarkan untuk mengemukakan permohonan di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi membolehkan kajian tapak dibuat.
- b) Di peringkat Kerajaan Negeri, pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan pengangkutan awam yang berimpak tinggi perlu mematuhi peruntukan Seksyen 20A Akta Perancang Bandar dan Desa (Akta 172) serta peraturan-peraturan lain yang ditetapkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjamin kepentingan dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor. Ianya selaras dengan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bilangan 1 / 2015 yang bersidang pada 12 Februari 2015 yang menekankan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah membuat ketetapan bahawa projek-projek pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi (HSR), Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Perancang Negeri.

- c) Berhubung dengan bantahan-bantahan terhadap projek yang akan dilaksanakan, Kerajaan Negeri telah mengemukakan semua bantahan yang dibangkitkan oleh para penduduk di kawasan yang terlibat dengan jajaran MyHSR untuk diteliti dan diberikan maklum balas sewajarnya oleh pihak MyHSR selaku pemaju projek, manakala merujuk kepada perkara berkaitan jumlah rumah yang terlibat mahupun nilai pampasan yang akan diterima penduduk, perkara ini hanya akan dapat dilaksanakan setelah lot-lot yang terlibat dengan cadangan jajaran dikenalpasti, iaitu setelah pembentangan mengenai hasil kajian tapak dibuat oleh MyHSR kepada Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN PKNS

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi kewangan yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai pada 2017.
- b) Nyatakan anggaran pendapatan PKNS pada 2017.

JAWAPAN:

- a) Sehingga 31 Disember 2017, PKNS telah memperolehi pendapatan sebanyak RM624.3 juta meningkat sebanyak RM99.7 juta (19%) berbanding bajet sebanyak RM524.6 juta.

Manakala, keuntungan sebelum cukai dan zakat PKNS adalah RM116.0 juta iaitu meningkat sebanyak RM34.8 juta (43%) berbanding bajet berjumlah RM81.2 juta. Keuntungan yang tinggi ini adalah hasil sumbangan daripada keuntungan operasi menerusi keuntungan pajakan tanah dan projek penswastaan, disamping keuntungan bukan operasi menerusi penerimaan dividen daripada syarikat bersekutu PKNS.

Jumlah aset PKNS sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM6,656.0 juta. Manakala keuntungan terkumpul PKNS pula adalah berjumlah RM4,890.8 juta.

- b) Anggaran pendapatan PKNS pada tahun 2017 adalah berjumlah RM580.1 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERKHIDMATAN E-BIL AIR SELANGOR

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peratusan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan e-bil Air Selangor mengikut wilayah setakat ini.
- b) Nyatakan langkah-langkah Air Selangor yang diambil bagi memastikan perkhidmatan pos boleh menghantar bil air ke rumah pelanggan tanpa kelewatan.

JAWAPAN:

- a) Setakat 28 Februari 2018, pelanggan yang bersetuju untuk menerima bil air melalui e-mel adalah sebanyak 192,640 iaitu bersamaan 9% dari keseluruhan pelanggan.

Peratusan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan e-bil Air Selangor mengikut wilayah:

WILAYAH	BILANGAN AKAUN	%
PETALING	50,196	26.1
KLANG	30,611	15.9
GOMBAK	25,752	13.4
HULU LANGAT	24,907	12.9
KUALA LUMPUR	20,689	10.7
HULU SELANGOR	12,125	6.3
SEPANG	14,945	7.8
KUALA LANGAT	6,661	3.5
KUALA SELANGOR	4,959	2.6
SABAK BERNAM	1,795	0.9
JUMLAH	192,640	100

b) Langkah-langkah yang diambil Air Selangor bagi memastikan perkhidmatan pos boleh menghantar bil air ke rumah pelanggan tanpa kelewatan:

- Perbincangan bersama pihak Pos Malaysia berkenaan kelewatan penghantaran bil air kepada pelanggan Air Selangor dan pihak Pos Malaysia memberi jaminan untuk mengatasinya segera.
- Pihak Pos Malaysia memaklumkan terdapat lebih kurang 18,000 pengguna di Selangor yang menggunakan Pusat Pungutan Setempat seperti kedai runcit, rumah penghulu dan sebagainya untuk menerima surat mereka. Air Selangor sedang berusaha untuk mengenalpasti akaun-akaun yang terbabit dengan bantuan Pos Malaysia supaya bil-bil air tersebut akan diserahkan oleh kakitangan Air Selangor ke alamat premis pelanggan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PRESTASI KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kedudukan kewangan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad?
- b) Apakah status membayar balik hutang KHSB kepada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Ringkasan kedudukan kewangan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) di peringkat syarikat adalah seperti jadual berikut:

Perkara	Pada 31.12.2017	Pada 31.03.2018
	RM' juta	
Baki tunai di bank	7.00	0.96
Kemudahan overdraf yang boleh digunakan	0.03	2.22
Jumlah	7.03	3.18

Nota:

Had kemudahan overdraf adalah seperti berikut:

- Pada 31 Disember 2017 = RM30.00 juta
- Pada 31 Mac 2018 = RM28.75 juta

- b) Status membayar balik hutang KHSB kepada Kerajaan Negeri

Berdasarkan kepada rekod KHSB setakat 31 Disember 2017, KHSB tidak mempunyai sebarang hutang kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PUSAT HIBURAN

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini pusat hiburan berlesen dan tidak berlesen mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah kelulusan lesen hiburan dari 2015 - 2017 mengikut PBT.

JAWAPAN:

Soalan (a) & (b) dijawab secara bersekali.

Jumlah terkini pusat hiburan berlesen dan tidak berlesen dari 2015-2017 mengikut PBT adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1 : Jumlah terkini pusat hiburan berlesen dan tidak berlesen dari 2015-2017

PBT	PUSAT HIBURAN BERLESEN			PUSAT HIBURAN TIDAK BERLESEN		
	2015	2016	2017	2015	2016	2017
MBSA	-	-	64	-	0	11
PBT	PUSAT HIBURAN BERLESEN			PUSAT HIBURAN TIDAK BERLESEN		
MBPJ	2015	2016	2017	2015	2016	2017
MPK	92	91	161	0	0	51
MPSJ	146	154	154	47	57	35
MPAJ	52	63	57	48	67	96
MPS	68	80	75	12	25	28
MPKJ	35	38	48	0	0	0
MPSP	25	25	24	0	2	1
MDKL	22	24	27	0	0	3
MDHS	6	7	8	0	0	0

MDKS	13	4	0	0	0	0
MDSB	28	27	17	0	0	0
JUMLAH	700	763	885	162	165	312

Nota : Sumber data daripada PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MMKN TELAH MELULUSKAN PEMBERIAN HAKMILIK KEPADA
PALATEHAN ARSYAD MOHD ARYSAD DI PT 20829 MELALUI
MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BERTARIKH 30 NOVEMBER 2016
DENGAN RUJUKAN BIL (15)PTG NO 2/1/145/2014**

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah Borang 5A yang dikeluarkan mencatatkan lot yang berbeza dari yang diluluskan?
- b) Mengapakah hakmilik yang di keluarkan berbeza dengan apa yang di luluskan oleh MMKN ?

JAWAPAN:

- a) Pemohonan ini adalah bertujuan untuk menempatkan semula setinggan-setinggan yang telah lama menduduki tanah kerajaan di atas rizab Lebuh Raya Utara / Selatan ke kawasan yang lebih selamat dan teratur. Perkara mengenai penempatan setinggan ini telah pun disuarakan oleh pemohon-pemohon dan mendapat perhatian oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Paya Jaras oleh kerana pernah berlaku kemalangan di kawasan setinggan-setinggan berkenaan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 23/2015 yang diadakan pada 22 Julai 2015 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 24/2015 pada 29 Julai 2015 telah **meluluskan** pemberimilikan tanah kerajaan kepada 15 orang pemohon.

Pada 14 September 2015, Pejabat Wakil DUN Paya Jaras telah mengemukakan surat pertukaran lot bagi pemohon-pemohon yang menerima kelulusan. Ini disebabkan tanah di PT 20828 dan PT 20829 adalah tidak sesuai untuk dibina rumah kerana kedudukan tapak yang berbentuk segitiga. Hasil siasatan dan semakan yang dijalankan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, pemohon boleh diperakukan untuk pertukaran plot. PT 20828 dan PT 20829 perlu dicantum supaya lot boleh diduduki dan disyorkan semula kepada Mustapa bin Baharum. Manakala, Haji Palatehan Arsyad bin Mohd Arsyad pula disyorkan PT 20767 yang masih tanah kerajaan. Kertas ringkasan permohonan pindaan plot ke atas

kelulusan terdahulu telah dikemukakan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 14 Oktober 2016.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 39/2016 yang diadakan pada 30 November 2016, telah meluluskan pindaan terhadap plot yang tersebut. Borang 5A telah dikeluarkan pada 11 Januari 2017 dengan mencatat lot tanah yang sama seperti diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 39/2016 yang diadakan pada 30 November 2016 yang telah disahkan oleh Majlis Kerajaan Negeri Selangor ke 40/2016 pada 7 Disember 2016. Pemohon Haji Palatehan Arsyad bin Mohd Arsyad telah membayar premium sebanyak RM 14,466.90 pada 12 April 2017. Geran hakmilik sementara telah didaftarkan pada 06 Disember 2017 dan nombor hakmilik HS (D) 87906 PT 1120, Pekan Sungai Buloh, Daerah Gombak telah dikeluarkan.

- b) Nombor PT 20767 Mukim Batu merupakan nombor pengenalan petak sebelum dikeluarkan hakmilik sementara yang kini dikenali sebagai PT1120 Pekan Sungai Buloh. Oleh yang demikian, hakmilik yang dikeluarkan adalah merupakan petak yang sama seperti yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.